

**POLA SAHSIAH REMAJA DALAM KALANGAN PELAJAR ISLAM
DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH JOHOR BAHRU**

KHAIRUN NIZAR BIN MAT ISA

**Laporan kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Bimbingan dan Kaunseling)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

MAC 2012

DEDIKASI

*Buat ayah dan emak yang disanjung,
Haji Mat Isa Bin Salleh
Hajah Norma Binti Haji Isa
Terima kasih di atas doa yang tidak pernah jemu
Didikan dan asuhan kalian terlalu bermakna dan
tidak akan terbalas.*

*Buat penyelia yang dihormati
Dr Faizah Binti Abd Ghani
Terima kasih di atas segala tunjuk ajar yang diberikan
selama ini.*

*Buat isteri tercinta dan anak tersayang,
Marina Bt Mohd Yusof
Nurul Iman Bt Khairun Nizar
Terima kasih di atas pengertian, kasih sayang dan kesabaran
kalian. Segala pengorbanan, sokongan dan dorongan
yang diberikan amat dihargai.*

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, maka terhasillah laporan kajian ini sebagai memenuhi syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling).

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada yang dihormati Dr Faizah Bt Abdul Ghani selaku penyelia kajian pendidikan ini di atas segala nasihat, bimbingan, sokongan, dorongan dan tunjuk ajar yang berterusan tanpa jemu sehingga kajian ini dapat disiapkan dengan sebaik-baiknya dan menepati syarat yang ditetapkan. Jasamu dikenang selama-lamanya. Hanya Allah SWT sahajalah yang dapat membalasnya.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada pensyarah dan rakan-rakan yang banyak menyumbangkan idea serta membantu dalam menyiapkan projek sarjana ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa projek sarjana ini dijalankan. Hanya Allah SWT yang mampu membalas jasa baik kalian.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pola sahsiah remaja dan faktor yang mempengaruhi sahsiah remaja dalam kalangan pelajar Islam di sekolah menengah di Daerah Johor Bahru. Seterusnya kajian ini akan melihat hubungan antara pola sahsiah remaja dengan faktor yang mempengaruhinya. Terdapat lima pola sahsiah remaja yang dikaji iaitu akidah, ibadat, muamalat, muasyarat dan akhlak, manakala empat faktor yang mempengaruhi pola sahsiah remaja dikaji meliputi ibu bapa, media massa, rakan sebaya dan didikan agama. Seramai 242 orang sampel yang terlibat dalam kajian yang terdiri daripada pelajar yang beragama Islam di empat buah sekolah menengah di Daerah Johor Bahru. Responden diberikan satu set borang soal selidik inventori sahsiah diri yang dibangunkan oleh Syed Umar Bin Abdul Rahman, Fadzlunesa Bt Isa dan Joohana Bt Saliman, (2011). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) versi 15. Data deskriptif yang diperolehi menunjukkan bahawa pola akidah merupakan pola sahsiah remaja yang paling tinggi dalam diri responden ($M=4.63$), diikuti pola ibadat ($M=3.96$), pola muamalat ($M=3.89$), pola akhlak ($M=3.81$) dan pola muasyarat ($M=3.67$). Pengaruh ibu bapa merupakan faktor yang paling tinggi mempengaruhi sahsiah diri remaja yang dikaji ($M=3.45$), diikuti rakan sebaya ($M=3.29$), media massa ($M=2.63$) dan didikan agama ($M=2.59$). Analisis inferensi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara elemen muasyarat dengan faktor ibu bapa ($p=0.000, r=0.521$), media massa ($p=0.008, r=0.170$), rakan sebaya ($p=0.000, r=0.354$) dan didikan agama ($p=0.024, r=0.145$). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara aspek muamalat dengan faktor media massa ($p=0.000, r=0.390$), rakan sebaya ($p=0.000, r=0.390$) dan didikan agama ($p=0.027, r=0.142$). Elemen akhlak mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor ibu bapa sahaja ($p=0.010, r=0.166$), manakala elemen akidah menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan faktor ibu bapa, media massa, rakan sebaya dan didikan agama.

ABSTRACT

This study was conducted to identify patterns of personality and the factors that influenced young adolescent personality among Muslim students in secondary schools in the district of Johor Bahru. This study investigated at the relationship between personality patterns and the factors that influence youth. There were five personality patterns of teenagers being researched such as *akidah*, *ibadat*, *muamalat*, *muasyarat* and *akhlak*. While the four factors that influenced adolescents' personality pattern examined include parents, mass media, peers and religious education. A total of 242 people involved in the study sample consisting of Muslim students in four secondary schools in the district of Johor Bahru. Respondents were given a set of questionnaires personality inventory developed by Syed Umar Bin Abdul Rahman, Fadzlunesa Bt Isa dan Joohana Bt Saliman,(2011). The data obtained were analyzed using the *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) version 15. Descriptive data obtained showed that the pattern of adolescent personality patterns of *akidah* are the highest in the self respondents ($M=4.63$), followed the pattern of *ibadat* ($M=3.96$), *muamalat* pattern ($M=3.89$), patterns of *akhlak* ($M=3.81$) and pattern *muasyarat* ($M=3.67$). Parental influence is the dominant influence factor personality of the youth studied ($M=3.45$), followed by peers ($M=3.29$), mass media ($M=2.63$) and religious education ($M=2.59$). Inferential analysis showed a significant relationship between the elements *muasyarat* with parental factor ($p=0.000$, $r=0.521$), mass media ($p=0.008$, $r=0.170$), peers ($p=0.000$, $r=0.354$) and education religion ($p=0.024$, $r=0.145$). The findings also showed a significant relationship between aspects of *muamalat* and mass media ($p=0.000$, $r=0.390$), peers ($p=0.000$, $r=0.390$) and religious education ($p=0.027$ $r=0.142$). Element of *akhlak* had a significant relationship with the parent factor ($p=0.010$, $r=0.166$), while element of *akidah* had no significant relationship with the parent factors, mass media, peers and religious education.

ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI ISTILAH	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	9
	1.7 Kerangka Konsep	11
	1.8 Skop Kajian	12

1.9	Batasan Kajian	12
1.10	Kepentingan Kajian	12
1.10.1	Ibu Bapa	13
1.10.2	Pihak Sekolah	13
1.10.3	Kementerian Pelajaran Malaysia	13
1.11	Definisi Konsep dan Operasional	13
1.11.1	Pola	14
1.11.2	Sahsiah	14
1.11.3	Remaja	14
1.11.4	Pelajar	14
1.11.5	Islam	15
1.12	Kesimpulan	15
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	16
2.1	Pengenalan	16
2.2	Konsep Sahsiah Dalam Perspektif Islam	16
2.3	Teori Perkembangan Sahsiah	19
2.3.1	Teori Psikoanalisis	19
2.3.2	Teori Perkembangan Kognitif	21
2.3.3	Teori Perkembangan Psikososial	23
2.3.4	Teori Pembelajaran Sosial	24
2.3.5	Teori Humanistik	25
2.3.6	Teori al-Ghazali	26
2.4	Sorotan Kajian	27
2.4.1	Kajian Dalam Negara	28
2.4.2	Kajian Luar Negara	29
2.5	Kesimpulan	32
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	33
3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	33

3.3	Lokasi Kajian	34
3.4	Persampelan Kajian	34
3.5	Instrumen Kajian	36
3.5.1	Demografi Responden	37
3.5.2	Pola Sahsiah Diri	38
3.5.3	Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja	39
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	40
3.7	Analisis Data	40
3.7.1	Deskriptif	41
3.7.2	Analisis Min	41
3.7.3	Analisis Inferensi	42
3.8	Kesahan Instrumen	46
3.9	Kesimpulan	47
BAB 4	ANALISIS DATA	48
4.1	Pengenalan	48
4.2	Analisis Deskriptif Maklumat Diri Responden	49
4.2.1	Umur	49
4.2.2	Jantina	49
4.2.3	Kedudukan Dalam Keluarga	50
4.2.4	Jumlah Adik-Beradik	51
4.2.5	Pekerjaan Bapa	51
4.2.6	Pekerjaan Ibu	52
4.3	Analisis Deskriptif Pola Remaja Islam	53
4.3.1	Akidah	53
4.3.2	Ibadat	55
4.3.3	Muamalat	57
4.3.4	Muasyarat	59
4.4.5	Akhlak	61
4.4	Analisis Deskriptif Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja Islam	63

4.4.1	Ibu Bapa	63
4.4.2	Media Massa	65
4.4.3	Rakan Sebaya	67
4.4.4	Didikan Agama	69
4.5	Tahap Pola Sahsiah Remaja Islam	71
4.6	Tahap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja Islam	72
4.7	Analisis Inferensi Korelasi Pearson Hubungan Antara Pola sahsiah Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja	73
4.7.1	Hubungan Antara Pola Sahsiah Akidah Dengan Faktor Ibu Bapa.	74
4.7.2	Hubungan Antara Pola Sahsiah Akidah Dengan Faktor Media Massa.	75
4.7.3	Hubungan Antara Pola Sahsiah Akidah Dengan Faktor Rakan Sebaya.	75
4.7.4	Hubungan Antara Pola Sahsiah Akidah Dengan Faktor Didikan Agama.	76
4.7.5	Hubungan Antara Pola Sahsiah Ibadat Dengan Faktor Ibu Bapa.	77
4.7.6	Hubungan Antara Pola Sahsiah Ibadat Dengan Faktor Media Massa	77
4.7.7	Hubungan Antara Pola Sahsiah Ibadat Dengan Faktor Rakan Sebaya	78
4.7.8	Hubungan Antara Pola Sahsiah Ibadat Dengan Faktor Didikan Agama.	79
4.7.9	Hubungan Antara Pola Sahsiah Muamalat Dengan Faktor Ibu Bapa.	79
4.7.10	Hubungan Antara Pola Sahsiah Muamalat Dengan Faktor Media Massa	80
4.7.11	Hubungan Antara Pola Sahsiah Muamalat Dengan Faktor Rakan Sebaya	81

4.7.12 Hubungan Antara Pola Sahsiah Muamalat Dengan Faktor Didikan Agama.	81
4.7.13 Hubungan Antara Pola Sahsiah Muasyarat Dengan Faktor Ibu Bapa.	82
4.7.14 Hubungan Antara Pola Sahsiah Muasyarat Dengan Faktor Media Massa.	83
4.7.15 Hubungan Antara Pola Sahsiah Muasyarat Dengan Faktor Rakan Sebaya.	84
4.7.16 Hubungan Antara Pola Sahsiah Muasyarat Dengan Faktor Didikan Agama	84
4.7.17 Hubungan Antara Pola Sahsiah Akhlak Dengan Faktor Ibu Bapa.	85
4.7.18 Hubungan Antara Pola Sahsiah Akhlak Dengan Faktor Media Massa.	86
4.7.19 Hubungan Antara Pola Sahsiah Akhlak Dengan Faktor Rakan Sebaya.	86
4.7.20 Hubungan Antara Pola Sahsiah Akhlak Dengan Faktor Didikan Agama.	87
4.8 Kesimpulan	88
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	89
5.1 Pengenalan	89
5.2 Hasil Dapatan Analisis Deskriptif Maklumat Diri Responden	90
5.3 Hasil Dapatan Pola Sahsiah Remaja Islam	92
5.4 Hasil Dapatan Analisis Deskriptif Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja Islam	93

5.5	Hasil Dapatan Analisis Inferensi Korelasi Pearson Hubungan Antara Pola Sahsiah Dan Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja	95
5.6	Cadangan dan Kesimpulan	96
5.6.1	Cadangan Kepada Pelajar	96
5.6.2	Cadangan Kepada Pihak Ibu Bapa	97
5.6.3	Cadangan Kepada Pihak Sekolah	97
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	97
5.8	Rumusan	98
	RUJUKAN	99
	LAMPIRAN	108

SENARAI JADUAL

NO	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Taburan Sampel Bagi Setiap Sekolah	34
3.2	Jadual penentuan sampel berdasarkan Krijcic, R.V dan Morgan	35
3.3	Demografi Responden	37
3.4	Skala Lima Mata Inventori Sahsia Diri	38
3.5	Taburan Subskala bagi setiap item (pola sahsiah remaja)	39
3.6	Skala Lima Mata Inventori Faktor Mempengaruhi Sahsia Diri Remaja	39
3.7	Taburan Subskala Bagi Setiap Item (faktor yang mempengaruhi Diri)	40
3.8	Pembahagian pola sahsiah diri berdasarkan nilai min	41
3.9	Garis Panduan Guildford's Rule of Thumb	42
3.10	Nilai koefisien dan hubungan antara dua pemboleh ubah	42
3.11	Penentuan hipotesis kajian berdasarkan nilai signifikan	43
3.12	Pengujian Hipotesis Mengikut Subskala	44
4.1	Taburan Kekekapan dan Peratus Responden Mengikut Umur	49

4.2	Taburan Kecepatan dan Peratus Responden Mengikuti Jantina	49
4.3	Taburan Kecepatan dan Peratus Responden Mengikuti kedudukan Dalam Keluarga	50
4.4	Taburan Kecepatan dan Peratus Responden Mengikuti Jumlah Adik Beradik	51
4.5	Taburan Kecepatan dan Peratus Responden mengikuti Pekerjaan Bapa	51
4.6	Taburan Kecepatan dan Peratus Responden mengikuti Pekerjaan Ibu	52
4.7	Taburan Kecepatan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikuti Pola Sahsiah Remaja Islam Bagi Subskala Akidah	53
4.8	Taburan Kecepatan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikuti Pola Sahsiah Remaja Islam Bagi Subskala Ibadat	55
4.9	Taburan Kecepatan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikuti Pola Sahsiah Remaja Islam Bagi Subskala Muamalat	57
4.10	Taburan Kecepatan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikuti Pola Sahsiah Remaja Islam Bagi Subskala Muasyarat	59
4.11	Taburan Kecepatan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikuti Pola Sahsiah Remaja Islam Bagi Subskala Akhlak	61
4.12	Taburan Kecepatan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikuti Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja Islam Bagi Subskala Ibu bapa.	63

4.13	Taburan Kekekapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja Islam Bagi Subskala Media Massa	65
4.14	Taburan Kekekapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja Islam Bagi Subskala Rakan Sebaya	67
4.15	Taburan Kekekapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja Islam Bagi Subskala Didikan Agama	69
4.16	Tahap Skala Lima Mata Inventori Pola Sahsiah Diri Remaja Islam	71
4.17	Tahap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja Islam	72
4.18	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Akidah Dengan Faktor Ibu Bapa	74
4.19	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Akidah Dengan Faktor Media Massa	75
4.20	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Akidah Dengan Faktor Rakan Sebaya	75
4.21	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Ibadat Dengan Faktor Didikan Agama	76
4.22	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Ibadat Dengan Faktor Ibu Bapa	77
4.23	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Ibadat Dengan Faktor Media Massa	77
4.24	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Ibadat Dengan Faktor Rakan Sebaya	78

4.25	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Ibadat Dengan Faktor Didikan Agama	79
4.26	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Muamalat Dengan Faktor Ibu Bapa	79
4.27	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Muamalat Dengan Faktor Media Massa	80
4.28	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Muamalat Dengan Faktor Rakan Sebaya	81
4.29	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Muamalat Dengan Faktor Didikan Agama	82
4.30	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Muasyarat Dengan Faktor Ibu Bapa	82
4.31	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Muasyarat Dengan Faktor Media Massa	83
4.32	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Muasyarat Dengan Faktor Rakan Sebaya	84
4.33	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Muasyarat Dengan Faktor Didikan Agama	84
4.34	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Akhlak Dengan Faktor Ibu Bapa	85
4.35	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Akhlak Dengan Faktor Media Massa	86
4.36	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Akhlak Dengan Faktor Rakan Sebaya	86
4.37	Hubungan Korelasi Pearson Antara Pola Sahsiah Akhlak Dengan Faktor Didikan Agama	87

SENARAI RAJAH

NO	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Kajian	11
2.1	Peringkat Perkembangan Kognitif Mengikut Jean Piaget	22
2.2	Perkembangan Manusia Berdasarkan Teori Erikson	23
2.3	Hierarki Keperluan Maslow	25
4.1	Tahap Skala Lima Mata Inventori Pola Sahsiah Diri Remaja Islam	71
4.2	Tahap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pola Sahsiah Remaja Islam	72

SENARAI ISTILAH

- SAW Sollallahu A'lahi Wasallam (Allah berselawat dan memberi salam ke atas Nabi Muhammad)
- SWT Subhanahu Wa Ta'la
(Maha Suci dan Maha Tinggi Allah)
- SPSS Statistical Packages of Social Science

SENARAI LAMPIRAN

NO	TAJUK	MUKA SURAT
1	Borang Soal Selidik Kajian	109
2	Data Statistik	117
3	Surat Pengesahan Pelajar	139

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Remaja pada umumnya merujuk kepada golongan manusia yang berumur 12 hingga 21 tahun atau 13 hingga 25 tahun. Perkataan 'remaja' berasal daripada perkataan "Latin" bermakna menuju ke arah kematangan. Golongan ini sentiasa mempunyai perasaan ingin mencuba dan sedang menuju ke tahap untuk menjadi dewasa. Dari sudut perkembangan manusia, remaja merujuk kepada satu peringkat perkembangan manusia, iaitu peringkat transisi antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa. Semasa seseorang itu mengalami zaman remaja dia akan mengalami pelbagai perubahan yang drastik, termasuklah perubahan jasmani, sosial, emosi, dan bahasa. Akibat daripada itu, orang remaja merupakan orang yang emosinya tidak stabil, dan sentiasa "bermasalah". (Sumber : Wikipedia)

Menurut Mohd Daud (1994), biasanya remaja adalah mereka yang berada dalam lingkungan umur belasan tahun. Secara amnya, golongan remaja berumur antara 11 hingga 19 tahun. Terdapat beberapa istilah yang sering dikaitkan dengan remaja. Antaranya ialah awal belia, anak muda dan orang muda. Istilah lain yang berkaitan pula digunakan bagi menerangkan sifat umum yang ada pada diri remaja itu sendiri, seperti baligh dan matang. Perkataan juvenil juga sering disebut kerana ia berkait dengan remaja.

Menurut Mohd Mahzan (1997), zaman remaja dikatakan zaman yang paling unik sekali dalam kehidupan seseorang. Dari aspek fizikal, berlaku perubahan jasmani dan kematangan seksual untuk remaja. Dari segi sosialnya, wujud usaha untuk mencapai kebebasan daripada kongkongan ibu bapa dan kebebasan untuk mencari identiti tersendiri.

Bagi Kamal (1998), golongan remaja atau belia ditakrifkan sebagai mereka yang dalam lingkungan umur selepas zaman kanak-kanak dan sebelum memasuki usia dewasa. Umumnya mereka yang berusia 15 ke 25 membawa ke 30 tahun. Ia juga ditakrifkan sebagai mereka yang sudah baligh hingga berumur sekitar 25 tahun. Ini bertepatan dengan syariat Islam yang mewajibkan pelaksanaan Rukun Islam seperti sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain ibadat.

Hamid Fahmy (1990), mengatakan bahawa dari perspektif Islam, remaja dikaitkan dengan umur baligh. Di dalam al-Quran ada disebut perkataan '*fata*' dan di dalam hadis pula disebut perkataan '*syabab*'. Kedua-duanya membawa maksud pemuda atau belia / remaja. Menurut Islam, manusia ditentukan kewajipan untuk melaksanakan tanggungjawabnya kepada Allah SWT, Rasulullah SAW dan masyarakat. Justeru itu, Islam menetapkan umur baligh penting bagi menentukan sama ada remaja itu sudah sampai tahap mukalaf atau tidak. Mukalaf bermaksud orang yang sudah cukup umur dan diwajibkan mematuhi hukum hakam Islam. Mereka juga akan dipertanggungjawabkan ke atas segala tingkah laku serta perbuatan mereka.

Cabaran untuk melahirkan remaja Islam yang mempunyai sahsiah unggul memerlukan komitmen pelbagai pihak. Sahsiah unggul adalah suatu konsep yang menghubungkan tentang kualiti insan atau manusia. Dari perspektif Islam, pembangunan sahsiah bukan sahaja berdasarkan kepada pembangunan insan dari aspek jasmani tetapi merangkumi seluruh aspek rohani, naluri dan akal. Menurut Imam Al-Ghazali, sahsiah melibatkan pengetahuan agama, akidah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan berkeluarga, perhubungan sesama manusia, akhlak, budi pekerti dan pembangunan jiwa.

Dalam tradisi Islam, al Quran memberikan fokus dalam pembangunan insan. Fokus membangunkan modal insan menjadi matlamat al Quran dalam membangunkan peribadi Rasulullah s.a.w. Peribadi teladan yang disebut sebagai akhlak al Quran menjadi tunjang kekuatan sahsiah unggul yang terbukti mampu membentuk peribadi-peribadi besar dalam sejarah umat manusia. Sebab itu pada zaman Rasulullah SAW, baginda mampu melahirkan peribadi-peribadi cemerlang yang memiliki sahsiah unggul sebagai generasi pewaris yang membangunkan umat manusia. (Sidek Baba, 2006)

Keperibadian unggul sangat berkait rapat dengan pendidikan seimbang iaitu keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek. Di dalam bidang pendidikan di Malaysia, terdapat Penyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1998) yang menyatakan bahawa:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Berpandukan asas Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pelbagai program disusun oleh pihak Kementerian dan sekolah khususnya dalam pengisian jiwa dan pembangunan sahsiah remaja. Program Rakan Muda dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), merupakan contoh program yang disusun oleh pihak Kementerian untuk membantu pembentukan peribadi yang baik dan mempunyai daya tahan terhadap segala cabaran hidup. Konsep Rakan Muda dari segi idealnya adalah untuk mewujudkan pelbagai aktiviti yang dapat mencungkil potensi sebenar diri remaja

agar mereka penuh yakin dengan potensi diri selaras dengan moto Rakan Muda “yakin boleh”.

Namun di sebalik pelbagai program yang dirancang dan disogokkan kepada pembangunan remaja, kadangkala wujudnya kepincangan dan kegagalan. Di manakah silapnya dan apakah inisiatif yang perlu difikirkan menangani masalah ini? Semua pihak tidak boleh saling menyalahkan antara satu sama lain. Malah perlu menggembleng tenaga membantu remaja membentuk sahsiah diri yang cemerlang.

1.2 Latar Belakang Masalah

Remaja memainkan peranan yang penting sebagai pewaris negara. Merekalah yang akan menentukan kejayaan negara pada masa hadapan. Mereka menjadi tulang belakang negara, dan akan meneruskan cita-cita dan hasrat murni pemimpin masa kini. Pelbagai harapan dan impian disandarkan kepada mereka. Oleh itu, mereka diberi pelbagai peluang untuk memperkasakan diri melalui pendidikan, latihan, kemahiran dan sebagainya.

Namun begitu, segala apa yang diharapkan seolah-olah hanya tinggal harapan. Hal ini berlaku kerana fenomena remaja yang terlibat dengan gejala sosial semakin kritikal. Isu bohsia, buli di sekolah, ponteng, lari dari rumah, seks bebas, buang bayi, rogol, rempit, melepak, gengsterisme, black metal, jenayah seperti merompak dan membunuh adalah antara simptom yang muncul kerana kegagalan sistem pendidikan, institusi kekeluargaan, dan penguatkuasaan. Hakikatnya gejala sosial di kalangan remaja semakin meningkat dan membimbangkan.

Masalah vandalisme merupakan kegiatan pelanggaran disiplin yang sering berlaku di mana kegiatan merosakkan harta benda sekolah seperti memecahkan kerusi dan meja, menconteng pada dinding bilik darjah dan tandas, merosakkan kemudahan elektrik dan lampu, merosakkan taman bunga dan lain-lain lagi dengan

sengaja. Kegiatan seperti ini bukan sahaja menafikan peluang pembelajaran kepada pelajar yang lain bahkan juga menjejaskan suasana pembelajaran yang kondusif.

Gengsterisme atau budaya samseng juga turut mengancam keselamatan pelajar di sekolah. Pergaduhan antara kelompok pelajar, peras ugut di kalangan pelajar, menyertai kumpulan kongsi gelap, memungut wang perlindungan daripada pelajar serta melawan dan mencederakan guru merupakan budaya samseng yang turut membimbangkan masyarakat sekolah. Budaya samseng ini semakin menjadi-jadi, malah mungkin terdapat beberapa kumpulan kongsi gelap yang mendalangi kegiatan ini.

Laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan penglibatan dalam gejala sosial bermula seawal umur 10 tahun. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan pada tahun 2005 oleh PDRM, sebanyak 76,403 kes jenayah yang dilaporkan pada tahun tersebut di seluruh negara melibatkan jenayah berbentuk kekerasan dan jenayah harta benda. Perangkaan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia menunjukkan aliran peningkatan kes sejak tiga tahun lalu yang melibatkan kelompok umur berkenaan dengan purata kes sebanyak 200 dan melibatkan 120 tangkapan setiap bulan. Kegiatan pelajar ini merangkumi penyalahgunaan dadah, gengsterisme dan perilaku seks bebas. (sumber : Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), 2005).

Kajian oleh Institut Penyelidikan mendapati sejak akhir-akhir ini kegiatan lumba haram motosikal ataupun dikenali sebagai 'mat rempit' mendapat perhatian daripada masyarakat. Pembangunan Belia Malaysia dengan kerjasama Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Malaysia mendedahkan 87 peratus Mat Rempit adalah golongan yang berusia 14 hingga 25 tahun. Bosan adalah faktor utama mereka merempit (48.1 peratus) diikuti mengisi masa lapang (38 peratus) dan pengaruh kawan (27.8 peratus). Jumlah tangkapan pelumba haram yang dilaporkan semakin bertambah setiap tahun. Dari tahun 2001 hingga 2004, jumlah tangkapan yang dilakukan oleh PDRM adalah sebanyak 5,332 kes di seluruh Malaysia. Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 1,041 kes. Dari tahun 2006 hingga Mac 2009, pihak polis telah melakukan 7,989 operasi sekatan jalan raya ke

atas Mat Rempit dan menahan 2,609 penunggang motosikal dan 2,431 telah didakwa. Dalam satu operasi pencegahan yang dijalankan didapati kebanyakan yang ditahan dalam lingkungan umur 16 hingga 28 tahun. (Zahir, 2009).

Selain itu, kes remaja lari dari rumah juga sedang berada pada tahap yang serius dan membimbangkan. Setiap tahun, ramai remaja yang dilaporkan lari dari rumah terutama melibatkan remaja perempuan. Polis Diraja Malaysia melaporkan bahawa jumlah orang berumur di bawah 18 tahun yang hilang adalah 6,270 dari 2004 hingga Mei 2007. Mereka yang paling ramai berumur 14 hingga 17 tahun iaitu 5,251 kes. Sejumlah 322 kes bagi kategori bawah 9 tahun dan 697 kes bagi umur 10 hingga 13 tahun sepanjang tempoh berkenaan. Jumlah remaja perempuan ialah 4,620 berbanding lelaki iaitu 1,650. Keadaan ini seharusnya mendapat perhatian daripada semua pihak kerana golongan ini berisiko tinggi untuk terbabit dalam gejala sosial dan menjadi mangsa kepada keganasan dan penderaan. Daripada 3,246 kes orang hilang pada 2007, seramai 71 orang ditemui mati. Pada 2005, sejumlah 71 daripada 4,103 orang yang hilang telah ditemui mati dan lima daripadanya disahkan dibunuh. (Zahir, 2009)

Kes yang melibatkan dua pelajar perempuan memukul dan menendang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis tidak lama dahulu menunjukkan sikap pelajar terhadap guru telah berubah. Aksi dua orang pelajar sekolah berkenaan yang memukul dan menendang guru mereka telah dirakam dan disiarkan di media. Sekolah juga sedang menjadi tempat merebaknya kes-kes buli dalam kalangan pelajar sekolah sama ada di dalam ataupun luar kawasan sekolah. Tingkah laku devian berkait dengan pelbagai sebab sama ada di dalam sekolah atau di luar kawasan sekolah. Pada 2008, sebanyak 2,218 kes jenayah melibatkan 3,725 pelajar dan daripada jumlah itu, sebanyak 3,629 kes adalah melibatkan pelajar yang berumur di antara 13 dan 18 tahun.

Perlakuan seks bebas di kalangan remaja juga amat membimbangkan. Seramai 768 remaja seawal usia 13 tahun, melahirkan anak yang sebahagian besarnya luar nikah sejak 2008 hingga bulan Jun 2010 akibat pergaulan bebas. Berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tempoh empat bulan

pertama tahun 2010, Jabatan Kebajikan Masyarakat mencatatkan 111 kes remaja bawah umur hamil berbanding 113 kes sepanjang 2009 dan 107 kes pada 2008. Ketua Jabatan dan Pakar Perunding Kanan, Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Hospital Tuanku Ampuan Rahimah (HTAR), Dr Mohamad Farouk Abdullah mengatakan bahawa kajian 2008 mendedahkan kebanyakan remaja tersebut berusia antara 14 hingga 18 tahun dengan majoritinya berbangsa Melayu. Sepanjang 2008, 13,189 kelahiran dicatatkan di HTAR dengan 256 membabitkan kelahiran di kalangan remaja bawah umur. (Berita Harian, 25 Julai 2010)

Selain itu, remaja Islam juga terlibat dengan kegiatan black metal. Masalah black metal ini merupakan sesuatu yang amat mengecewakan kerana ia bukan sahaja melanggar adat dan budaya Melayu tetapi juga membelakangkan agama. Hazman (2005), mengkaji fenomena metal (Black Metal) yang menyebabkan penyelewengan akidah. Dalam kajiannya mendapati pelbagai bentuk kelakuan yang merosakkan akidah seperti membakar al-Quran, *cult* (berkaitan dengan penyembahan dan pemujaan). Kajiannya juga mendapati fenomena metal juga berkaitan dengan lagu metal yang dibawa masuk ke negara ini yang tergolong dalam lagu atau kumpulan *underground*. Yang jelas, semua perbuatan ini bertentangan dengan agama Islam.

Menurut Rusinah Siron (2010), banyak jenayah yang dilakukan remaja hari ini disebabkan soal kewangan kerana keinginan anak-anak muda hari ini semakin meningkat untuk menggunakan barang mewah bagi menunjukkan status diri mereka di kalangan rakan-rakan sebaya. (Utusan Malaysia, 3 Ogos 2010)

Mohammad Shatar (2003) menyatakan perlakuan yang berbagai-bagai ini dianggap sebagai gejala atau masalah sosial sekiranya perkara yang berlaku itu telah menyalahi nilai dan norma kehidupan masyarakat. Gejala sosial ini sudah tentu memberi kesan kepada pembentukan sahsiah remaja. Ini kerana individu dicerminkan oleh akhlak dan sahsiah yang baik. Pancaran akhlak dan sahsiah yang baik atau buruk ditentukan oleh didikan dalam keluarga, kepatuhan kepada amalan agama dan rakan-rakan yang menjadi jaringan sosial. Keruntuhan moral, akhlak dan disiplin remaja terutama yang melibatkan remaja Islam memberi impak yang negatif kepada agama, bangsa dan negara.

1.3 Pernyataan Masalah

Masalah sosial yang melibatkan remaja Islam pada masa kini semakin serius. Pelbagai perbuatan yang menyalahi adat, undang-undang negara dan agama dilakukan oleh mereka. Bermula dengan kes salah laku ringan di sekolah seperti merokok dan ponteng, menular kepada kes-kes yang bersifat jenayah seperti merogol dan membunuh. Usia remaja yang sepatutnya digunakan untuk belajar dan mendapatkan ilmu telah dicemari dengan pelbagai perbuatan yang bertentangan dengan adat, undang-undang dan agama.

Masalah sosial ini jika tidak ditangani dengan berkesan akan mendatangkan kesan yang negatif kepada pembentukan sahsiah remaja. Menyedari hakikat ini, usaha mendidik remaja dan menerapkan nilai-nilai murni perlu dipergiatkan dengan pelbagai pendekatan yang difikirkan sesuai. Remaja terutama yang beragama Islam merupakan generasi yang penting kepada agama, bangsa dan negara. Ini kerana mereka adalah pewaris negara. Oleh itu, mereka perlu dididik dengan cara yang sempurna seperti yang diajarkan oleh Islam agar matlamat kerajaan melahirkan remaja yang mempunyai sahsiah unggul akan berjaya.

Namun begitu, masih timbul persoalan tentang sahsiah remaja pada masa kini. Oleh sebab itu, maka kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pola sahsiah dan faktor-faktor yang mempengaruhi remaja Islam dalam kalangan remaja sekolah menengah di daerah Johor Bahru.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji pola sahsiah remaja dalam kalangan pelajar Islam di sekolah menengah di Daerah Johor Bahru. Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk :

- 1.4.1 Mengetahui pasti pola sahsiah dalam kalangan remaja Islam dalam aspek akidah, ibadah, muamalat, muasyarat dan akhlak.
- 1.4.2 Mengetahui pasti faktor yang mempengaruhi pola sahsiah remaja Islam dari aspek agama, ibu bapa, rakan sebaya dan pengaruh media.
- 1.4.3 Mengetahui pasti hubungan antara pola sahsiah dan faktor yang mempengaruhi remaja.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan :

- i. Adakah pola sahsiah remaja Islam di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah ?
- ii. Adakah faktor-faktor yang mempengaruhi pola sahsiah remaja Islam ?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara faktor dengan pola sahsiah remaja ?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, terdapat 20 hipotesis yang telah dibentuk iaitu ;

- H1 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola akidah dengan faktor ibu bapa
- H2 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola akidah dengan faktor media massa.
- H3 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola akidah dengan faktor rakan sebaya


- H4 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola akidah dengan faktor didikan agama.
- H5 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola ibadah dengan faktor ibu bapa.
- H6 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola ibadah dengan faktor media massa.
- H7 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola ibadah dengan faktor rakan sebaya.
- H8 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola ibadah dengan faktor didikan agama.
- H9 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola muamalat dengan faktor ibu bapa.
- H10 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola muamalat dengan faktor media massa.
- H 11 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola muamalat dengan faktor rakan sebaya
- H 12 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola muamalat dengan faktor didikan agama.
- H13 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola muasyarat dengan faktor ibu bapa.
- H14 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola muasyarat dengan faktor media massa.
- H 15 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola muasyarat dengan faktor rakan sebaya
- H 16 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola muasyarat dengan faktor didikan agama.
- H17 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola akhlak dengan faktor ibu bapa.
- H 18 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola akhlak dengan faktor media massa.
- H 19 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola akhlak dengan faktor rakan sebaya
- H 20 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola akhlak dengan faktor didikan agama

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian ini menunjukkan perkaitan dan hubungan antara pola sahsiah diri remaja iaitu akidah, ibadat, muamalat, muasyarat dan akhlak dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya iaitu didikan agama, ibu bapa, rakan sebaya dan media massa. Pola sahsiah diri merupakan pemboleh ubah bersandar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pola sahsiah diri merupakan pemboleh ubah bebas.

Menurut pengkaji barat Bronfenbrenner, perkembangan seseorang individu dipengaruhi oleh pelbagai faktor sekeliling termasuk keluarga (ibu bapa), media massa, pengaruh rakan sebaya dan pendidikan. (Santrock, 2008)

Imam Al-Nawawi pula mengatakan bahawa pembangunan sahsiah merangkumi aspek pembangunan akhlak dengan Allah, akhlak sesama manusia, sosial, adab kehidupan, ibadat, jihad, ilmu dan pengetahuan agama. (Kamarul Azmi, 2001).



(Sumber : diadaptasi daripada Bronfenbrenner, 2008 dan Imam Al-Nawawi, 2001)

Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian

1.8 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah Menengah di sekitar Johor Bahru. Tumpuan diberikan kepada pelajar-pelajar yang beragama Islam yang belajar di tingkatan 1 hingga tingkatan 4 iaitu mereka yang berumur antara 13 tahun hingga 16 tahun. Ini adalah kerana pelajar-pelajar tingkatan lima sibuk dengan kelas tambahan sebagai persediaan menduduki Peperiksaan Pelajaran Malaysia (SPM).

1.9 Batasan Kajian

Dalam Kajian ini terdapat beberapa batasan kajian yang dilaksanakan iaitu :

- i. Kajian dijalankan adalah tertumpu kepada pelajar-pelajar yang beragama Islam sahaja yang belajar di Sekolah Menengah sekitar Johor Bahru.
- ii. Kajian dijalankan dengan menggunakan *survey* iaitu dengan mengumpulkan segala data dan dianalisis berpandukan borang soal selidik yang telah diisi oleh responden.
- iii. Segala dapatan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada jawapan soal selidik responden.

1.10 Kepentingan Kajian

Menurut Baker (1994), sesuatu kajian itu dianggap penting dalam tiga cara iaitu yang pertama ia mestilah menyumbang kepada pengetahuan, kedua ianya berguna serta bermakna kepada pembentukan polisi atau dasar yang berkaitan dan ketiga ia mestilah berguna kepada pengamal atau orang yang terlibat dalam bidang tersebut.

Kajian yang melibatkan remaja Islam ini, akan dapat memberikan faedah dan manfaat kepada beberapa pihak antaranya :

1.10.1 Ibu bapa

Melalui kajian ini, ibu bapa akan mendapat maklumat tentang gaya hidup, memahami masalah dan keperluan remaja. Maklumat ini akan dapat membantu ibu bapa dalam membentuk dan menghadapi kerenah anak-anak, sesuai mengikut peredaran zaman dan selaras dengan syariat Islam.

1.10.2 Pihak sekolah

Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan manfaat kepada pihak sekolah terutama guru-guru supaya lebih memahami keadaan dan keperluan pelajar dan sama-sama membantu membentuk sahsiah pelajar supaya mereka menjadi insan yang bukan sahaja cemerlang di dalam akademik tetapi juga berakhlak mulia.

1.10.3 Kementerian Pelajaran Malaysia

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu dalam merangka polisi dan dasar untuk memantapkan lagi pembangunan modal insan yang berteraskan kehendak Islam.

1.11 Definisi Konsep Dan Operasional

Beberapa istilah diperjelaskan di bawah ini bagi menerangkan dengan lebih tepat kehendak dan kaitannya dengan tajuk : “ Pola Sahsiah Remaja Dalam Kalangan Pelajar Islam Di Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru ”.

1.11.1 Pola

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2005), *Pola* boleh diistilahkan sebagai contoh, model atau patrun. Dalam konteks kajian ini, pola merupakan contoh-contoh atau gaya perlakuan yang diamalkan dan ditunjukkan oleh remaja Islam yang belajar di sekolah menengah.

1.11.2 Sahsiah

Sahsiah bermaksud keperibadian atau peribadi (kamus Dewan, 2001). Dalam kajian ini, sahsiah merujuk kepada cara remaja bertindak atau bertingkah laku dan kajian ini juga melihat hubungannya dengan akidah, ibadat, muamalat, muasyarat dan akhlak.

1.11.3 Remaja

Remaja bermaksud mulai dewasa, sudah akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin (Kamus Dewan). Dalam konteks kajian ini remaja merupakan pelajar yang berumur antara 13 hingga 17 tahun iaitu pelajar tingkatan 1 hingga 5 di mana kajian ini dijalankan.

1.11.4 Pelajar

Menurut Kamus Dewan (2002), pelajar ialah orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut maktab dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, pelajar ialah pelajar yang beragama Islam yang menuntut di sekolah menengah.

1.11.5 Islam

Islam bermaksud agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW (Kamus Dewan, 2001). Islam adalah agama yang sempurna yang diredhai Allah SWT. Tidak seperti agama lain yang dirujuk kepada pengasasnya, Islam tidak boleh di namakan agama Muhammad tetapi nabi Muhammad hanyalah rasulullah yang dipilih Allah sebagai utusannya yang membawa rahmat ke seluruh alam. Al-Quran dan Hadis menjadi panduan hidup. Islam diasaskan dengan rukun Islam iaitu :

1. Mengucap dua kalimah syahadah.
2. Solat sehari semalam lima waktu.
3. Berpuasa di bulan Ramadhan.
4. Membayar Zakat dan
5. Menunaikan haji bagi yang berkemampuan.

Dalam kajian ini Islam, bermaksud satu bentuk kepercayaan atau agama yang dianuti oleh responden yang dikaji.

1.12 Kesimpulan

Sahsiah yang baik di kalangan remaja merupakan sesuatu yang amat diimpikan oleh semua peringkat lapisan masyarakat. Golongan yang menjadi pewaris negara ini di harap dapat bersosial dengan baik seperti mana yang di harapkan oleh masyarakat. Walaupun di katakan remaja sekarang berkelakuan dengan kelakuan yang melanggar adat budaya masyarakat serta bertentangan dengan agama, namun semua ini boleh ditangani dengan kerjasama semua pihak.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Borhan (1998), *Program pembangunan sahsiah pelajar dan pelaksanaannya di IPT di Malaysia*. Kertas Kerja yang dibentangkan di seminar pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Raof Dahaman (1986). *Masalah Pelanggaran Disiplin Pelajar-Pelajar Lelaki Sekolah Menengah*. Latihan Ilmiah. Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.
- Abdullah Nashih Ulwan (1994), *Pesanan kepada pemuda Islam*, Kuala Lumpur, Penerbit al-Ramadhan.
- Abdullah Nasih Ulwan (1988). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Jilid 1. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ahmad Lisot (1988), *Peranan Ibu bapa yang Berkesan*. kertas kerja Konvensyen Perkara Ketiga Di Subang.
- Alice Rani, A.S.(1988). *Gaya Asuhan Keluarga dan Pembentukan Personaliti Remaja*. UKM: Tesis Ijazah Sarjana Muda (Tidak diterbitkan)

Alizarinah Ali (1993). *Penghayatan Agama dan Kesejahteraan Hidup di Kalangan Remaja Melayu : Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera (kepujian) Bangi : UKM*

Al-Qardhawi Yusuf (1975), *al-Ibadah fil Islam*. Beirut : Muassah Ar-Risalah.

Ansbacher, H.L & R.R. Ansbacher (1956). *The Individual Psychology of Alfred Adler*. New York : Basic Books Inc.

Asmak Haji Ali (2006). *Salah laku Remaja Masa Kini : Cabaran dan Penyelesaiannya*. UTM Shah Alam : Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam.

Asmawati Suhid (2009), *Pendidikan akhlak dan adab Islam : Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur. Utusan Publication dan Distribution Sdn Bhd.

Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusuf & Abdul Rahim (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Bandura, A., (1977), *Social Learning Theory*. New Jersey : Prentice-Hall.

Baker, T.L. (1994). *Doing Social Research (2nd ed.)*. New York : McGraw-Hill Inc.

Borg, W.R & Gall M.D.(1983), *Education Research : An Introduction* . New York. Longman Inc.

Coolican, H. (2006). *Introduction to Research Methods in Psychology. 3rd edition*. Oxon.Ox : Hodder Arnold.

- Dinkmeyer, D. dan L. Sperry (2000). *Counselling and Psychotherapy : An Integrated Individual Psychology Approach*. New Jersey : Prentice Hall.
- Dyer, C. (2006). *Research in Psychology : A Practical Guide to Methods and Statistics*. Carlton : Blackwell Publishing.
- Ee, Ah Meng (1997). *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Fornas, J. Dan Bolin, G (1995). *Youth Culture in Late Modernity*. London. Sage Publications.
- Foster, E. & Clark, F.S (1989). *Parental Influences on Adolescent Problem Behaviour : Mediatlional and Moderational Models Involving Deviant Peers*. *Journal of Family Psychology*, 3, 39-60.
- Guilford, J.P (1956) *Fundamental Statistics in Psychology and Education*. New York. Mc Graw Hill
- Habibah & Noran Fauziah (2002). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Halimah Ab.Rahman & Kamariah Ibrahim. (1993). *Pengurusan dan Pengelolaan Pusat Pra Sekolah*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Hamachek, D (1995). *Psychology in Teaching, Learning and Growth*. Boston : Allyn and Bacon.

Hamid Fahmy (1990). *Pemikiran Al-Ghazali Tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Hazman Bin Hassan (2005).:‘*Aqidah Islam dan fenomena metal, Kajian Ilmiah*, Universiti Sains Malaysia. Sarjana Sastera. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Jas Laile Suzana Jaafar (2002). *Psikologi Perkembangan : Psikologi Kanak-Kanak & Remaja*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamal Abdul Manaf (1996). *Manusia dan personaliti : Membentuk Insan Yang Sempurna*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors.

Kamal Abdul Manaf (1998). *Masalah dan Penyelesaian dalam kaunseling Islam 2*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Kamarul Azmi Jasmi (2001). “*Paradigma al-Imam Al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan, satu kajian teks terhadap Kitab Riyadh Al-Solihin*”, Universiti Malaya : Tesis Sarjana

Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga (2001) : Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Kerlinger, F.M (1986). *Foundation of Behavioral Research. (3rd Edition)* New York : Winston Inc.

M. Dawam Rahardjo (1985). *Insan Kamil : Konsepsi Manusia Menurut Islam*. Jakarta : PT.Grafiti Pers.

- Mehlig, L.M., & Milson, A.J. (2002). *Elementary school teachers' sense of efficacy for character education [Versi Elektronik]*. Journal of Educational Research, 96 (1), 47-53.
- Mohammad Satar (2010). *Kajian Salah Laku Sosial Sekitar Kawasan di Lembah Kelang dan Kawasan Luar Bandar*. Laporan Kajian, Universiti Putera Malaysia.
- Mohd Daud Hamzah (1994). *Perkembangan kanak-kanak dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Mohd Ismail Othman (2006). *Menangani disiplin di sekolah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Mohd Mahzan Musa (1997). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Rodzik Abd Razak (1998). *Hubungan Gaya Didikan Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda. Tidak Diterbitkan.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : Penerbit UTM.

- Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan & Ab.Halim Tamuri (2009), *Amalan ibadat harian dan sumbangannya kepada kecerdasan emosi remaja*. JIAE: Journal Islamic and Arabic Education, 1 (1).pp.29-40. ISSN
- Mohd Salleh (1999), *Asas Psikologi Perkembangan*. Kuala Lumpur, Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Muhammadiyah Ja'far (1982), *Beberapa aspek pendidikan Islam*. Surabaya : Penerbit al-Ikhlas.
- Muhd Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin. (1998). *Psikologi Remaja*. Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mustaffa Hj Daud (1997). *Institut Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadia Binti Alwi (2004).*Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Bumiputera Bagi Mata Pelajaran Teknikal Di Sekolah Satu Jantina Kawasan Wilayah Persekutuan*, Kuala Lumpur : Universiti Teknologi Malaysia.
- Nelson, G.F (1992), *Keluarga dan Persekitaran Perspektif Ekosistem*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Phares, V. & Compass, B.E (1992). *The Role of Fathers in Child and Adolescent Psychopathology: Make Room for Daddy*. Psychological Bulletin,111(3), 387-412.

Portney L.G & Walkins M.R.(1993) *Foundation of Clinical Research : Application to Practice*. East Norwalk, Conn : Appleton & Lang.

Quasem, Abul (1975). *The Ethics of al-Ghazzali : A Composite Ethics in Islam*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Renfrew, J.W. (1997). *Aggression and It Causes: A bio psychosocial approach*. New York : Oxford University Press.

Rohaty Mohd Majzub & Abdullah Mohd Noor (2001). *Persepsi Remaja Terhadap Masa Hadapan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rosnani Hashim (2000), *Mendidik Anak Cemerlang, Al-Islam*. Jun . 62-66.

Rowntree,D (1981). *Statistics Without Tears : A Primer For Non Mathematics*, London. Penguin.

Sahih Muslim, (2003). *(Terjemahan oleh Ma'mur Daud)*. Singapura : Darel Fajr Publishing House.

Santrock, J.M. (2008). *Relation of Type and Onset of Father Absence to Cognitive Development*. *Child Development*, 43, 455-469.

Siddiq Fadil (1995) *Permasalahan Moral : Perspektif al-Quran*, Kertas Kerja di bentang di Seminar kaunseling Islam iv, di Dewan Mukhtar Pusat Islam, Kuala Lumpur pada 26.8.1995

Siti Fatimah Abdul Rahman (1993). *Asas-Asas Masyarakat Cemerlang*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Slavin, R.E (1997). *Educational Psychology, Theory and Practice. 5th Edition*. Boston : Allyn and Bacon.

Stern, S.B & Smith, C.A. (1995). *Family Process and Delinquency in An Ecological Context. Journal of Service Review*. 69 703-701.

Suara Perkim (2009), keluaran 2, KL, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)

Tuckman, B.W.(1978). *Conducting Education Research. 2nd Edition*. New York : Harcourt Brace Jovanovich Inc.

'Umaruddin (1991). *The Ethical Philosophy of al-Ghazzali*. Lahore : S.H. Muhammad Ashraf. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur.

Umi Kalsum Bt Jamak (2004) : *Persepsi Pelajar Terhadap Peranan Ibu Bapa Pada Pendidikan Awal Dalam Membentuk Sahsiah Remaja : Satu Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun Empat Di Fakulti Pendidikan UTM, Kajian Ilmiah, Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam), UTM*

Wattenberg, W.W (1973) *The Adolescent Years*. New York : Harcourt Brace Jovanich Inc.

Webster, M.(1985). *Webster's Ninth New Collegiate Dictionary*. Meriam-Webster Inc.

Woolfolk, A.E. (1993). *Educational Psychology*, Boston : Rutgers University.

Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Minggal (2011). *Teori Kaunseling Al-Ghazali : Mengenal Ilmu, Sejarah dan Kandungan Al-Quran*.